

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN
[KALABAKAN]
TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [KALABAKAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia meluluskan semula peruntukan pembinaan Lebuh Raya Trans-Borneo dan Kompleks ICQS dan perumahan Kerajaan sebanyak RM600 Juta yang telah diperuntukkan dalam Belanjawan 2020 yang lalu tetapi dimansuhkan oleh Kerajaan Perikatan Nasional. Kalabakan memerlukan pembukaan sempadan dengan Kalimantan Indonesia untuk meningkatkan aktiviti ekonomi dan sosial kepada penduduk setempat dan bukannya hanya pembinaan Pos Kawalan Sempadan seperti yang dirancang baru-baru ini.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, penularan wabak Covid-19 telah memberikan kesan yang besar di seluruh dunia terutama dari segi impak kepada ekonomi negara. Kegiatan ekonomi yang terjejas menyebabkan hasil Kerajaan berkurang, dan pada masa yang sama Kerajaan perlu memberikan keutamaan untuk melaksanakan program-program dan inisiatif bagi membendung penularan wabak Covid-19 ini. Oleh yang demikian, Kerajaan telah menyemak semula beberapa inisiatif dan langkah yang telah diperkenalkan dalam Belanjawan 2020 termasuk projek Lebuh Raya Trans-Borneo dan Kompleks ICQS.

2. Namun demikian, Kerajaan menyedari kepentingan infrastruktur dan utiliti asas yang berkualiti dan berdaya harap seperti jalan raya, rel, bekalan air dan elektrik bagi merangsang pertumbuhan ekonomi agar dapat meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Sehubungan itu, sekiranya projek ini hendak diteruskan, permohonan semula boleh dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan melalui kementerian berkenaan yang akan disalurkan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri bagi tujuan penilaian projek tersebut yang turut tertakluk kepada keperluan yang kritikal dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.